

12 June 2018

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Utama Persijilan RSPO Bagi FELDA Global Ventures Plantations (M) Sdn Bhd - Kilang Kelapa Sawit Waha dan ladang sawit – Kota Tinggi, Johor, Malaysia

FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) (RSPO Membership No: 1-0225-16-000-00) telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian utama persijilan RSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Waha dan ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 1 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh FELDA Global Ventures Plantations (M) Sdn Bhd. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Kota Tinggi, Johor, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan penilaian persijilan utama Kilang Kelapa Sawit Waha 17 & 19-20 Julai 2018. Penilaian utama akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014 dan *RSPO Supply Chain Certification Standard – CPO Mills*: June 2017. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit Waha dan ladang-ladang	
Nama kilang	Kilang Kelapa Sawit Waha
Kapasiti Kilang (mt/jam)	30 mt/hr
Lokasi	Kota Tinggi, Johor, Malaysia
Alamat	Kilang Sawit Waha 81907 Kota Tinggi, Johor, Malaysia
Rujukan GPS (Kilang Kelapa Sawit)	104° 04' 26.67" E ; 1° 47' 29.94 N
Pengeluaran CPO (Anggaran 2018) (MT)	2,625.00 mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2018) (MT)	689.00 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2018) (MT)	14,579.00 mt

Ladang	Rujukan GPS	Kawasan Matang (Ha)	Kawasan Belum Matang (Ha)	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Anggaran Pengeluaran FFB (MT)
FGVPM Bukit Aping 02	104° 3' 15.54" E ; 1° 45' 58.68" N	851.96	0	1,067.99	14,579.00

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO melalui pejabat di Malaysia dan pejabat urusan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Waha dan ladangnya terdiri daripada: **En Mohd Hafiz Mat Hussain** sebagai Ketua Juruaudit (Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek undang-undang, HCV dan Sosial); **En. Valence Shem** sebagai Juruaudit (Penilaian kriteria "Supply Chain" di kilang, Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Undang-Undang dan Alam Sekitar); **Pn Elzy Ovktafia** (Aspek Undang-undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan. Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim RSPO

Mr. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU

Auditee:

Mr Norazam Abdul Hameed
Senior General Manager
FELDA Global Ventures Plantations (M) Sdn Bhd
Menara FELDA Platinum Park
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Fax : +603 2698 7816
Email : norazam.ah@feldaglobal.com

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim RSPO